



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**GERAKAN ANTI-IBN SAUD DI HIJAZ: KEMUNCULAN,
PERJUANGAN DAN KEJATUHAN *HIJAZ LIBERATION PARTY*,
1928-1936**

*ANTI-IBN SAUD MOVEMENT IN HIJAZ: THE RISE, STRUGGLE AND FALL OF
HIJAZ LIBERATION PARTY, 1928-1936*

Rabiatul Adawiyah Abdullah^{1*}, Abu Hanifah Haris², Zulkanain Abdul Rahman³

¹ Department of History, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia
Email: rabiatulamin04@gmail.com

² Department of History, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia
Email: abuhanifah@um.edu.my

³ Department of History, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia
Email: zulkana@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Abdullah, R. A., Haris, A. H., & Rahman, Z. A. (2022). Gerakan Anti-Ibn Saud Di Hijaz: Kemunculan, Perjuangan Dan Kejatuhan *Hijaz Liberation Party*, 1928-1936. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 225-238.

DOI: 10.35631/IJLGC.728017.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini membincangkan gerakan anti-Ibn Saud di Hijaz melalui kemunculan, perjuangan dan kejatuhan *Hijaz Liberation Party*, 1927-1936. Pada tahun 1927, sebilangan tokoh terkenal Hijaz menubuhkan *Hijaz Liberation Party* (HLP). HLP ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial di Hijaz. Perkembangan tersebut menimbulkan persepsi negatif oleh sebilangan rakyat Hijaz yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran kerajaan Ibn Saud yang bersifat autokratik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian perpustakaan dengan menganalisis sumber sekunder dan dokumen daripada arkib. Hasil kajian mendapati bahawa *Hijaz Liberation Party* bermatlamat untuk membebaskan Hijaz daripada pencerobohan dan penaklukan Ibn Saud yang merupakan orang luar dan bukan merupakan rakyat Hijaz. Anggota HLP tidak hanya bergiat aktif di Hijaz tetapi juga di Transjordan, Mesir, Eritrea, Palestin, Yaman, Iraq dan India. Namun begitu, perjuangan gerakan tersebut akhirnya mengalami kegagalan dan Ibn Saud berjaya menggugat perjuangan HLP sehingga membawa kepada pengharaman *Hijaz Liberation Party* pada tahun 1936. Walaupun tempoh penubuhan *Hijaz Liberation Party* tidak lama tetapi impaknya berjaya menarik sokongan pihak berkepentingan melalui kegiatan anti-Ibn Saud sehingga mengancam kedudukan Ibn Saud di Hijaz.

Kata Kunci:

Anti-Ibn Saud, Bani Hashim, Hijaz Liberation Party, Hijaz, Ibn Saud

Abstract:

This study examines the anti-Ibn Saud movement in Hijaz through the rise, struggle and fall of the Hijaz Liberation Party, 1927-1936. In 1927, a number of prominent Hijaz figures founded the Hijaz Liberation Party (HLP). The HLP was established in response to political, economic and social developments in the Hijaz. The development gave rise to a negative perception by some Hijaz people who expressed dissatisfaction with the autocratic administration of Ibn Saud's government. This study uses qualitative methods and library research by analyzing secondary sources and documents from the archives. The results of the study found that the Hijaz Party aimed to shape the Hijaz from the invasion and conquest of Ibn Saud who was an outsider and not a citizen of the Hijaz. HLP members are not only active in the Hijaz but also in Transjordan, Egypt, Eritrea, Palestine, Yemen, Iraq and India. However, the struggle of the movement eventually failed and Ibn Saud succeeded in undermining the struggle of HLP leading to the banning of the Hijaz Liberation Party in 1936. Although the establishment of the Hijaz Liberation Party was short but the impact managed to attract the support of stakeholders through anti-Ibn Saud activities that threatened the position of Ibn Saud in Hijaz.

Keywords:

Anti-Ibn Saud, Hashemites, Hijaz Liberation Party, Hijaz, Ibn Saud

Pendahuluan

Jika menyingkap sejarah awal Hijaz, kebangkitan nasionalisme di Hijaz sudah bermula seawal abad ke-20 lagi melalui peristiwa Pemberontakan Arab pada tahun 1916. Pemberontakan tersebut dilancarkan oleh Sharif Hussein. Selepas kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah pada tahun 1918, wilayah Hijaz yang terletak di pantai barat Semenanjung Tanah Arab muncul sebagai sebuah wilayah Arab yang merdeka di bawah pemerintahan kerajaan Bani Hashim, Sharif Hussein Ibn Ali al-Hashim, yang telah diiktiraf sebagai Raja Hijaz oleh British pada tahun 1917. Kerajaan Bani Hashim mempunyai struktur pentadbiran moden termasuk perlembagaan, mahkamah perbandaran, ahli barisan kabinet dan angkatan tentera. Pada tahun 1925, Ibn Saud merupakan pemerintah yang berpusat di Nejd berjaya menakluk Hijaz dengan bantuan pasukan Ikhwani. Walau bagaimanapun, Ibn Saud memerintah Hijaz secara autokratik.

Secara umumnya, gerakan anti-Ibn Saud merupakan sebuah gerakan yang bersifat anti-Ibn Saud iaitu berjuang bagi menjatuhkan pemerintahan Ibn Saud dan mengusir Ibn Saud dari Hijaz. Selepas kejatuhan kerajaan Bani Hashim di Hijaz dan Ibn Saud mengambil alih Hijaz pada tahun 1925, sebilangan tokoh terkenal Hijaz tidak berpuas hati terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial di Hijaz. Misalnya, perubahan yang ketara dalam sistem politik terutamanya Hijaz tidak diberi taraf berkerajaan sendiri. Selain itu, Ibn Saud tidak mahu menguatkuasakan perlembagaan Hijaz sebagaimana yang digubal ketika pemerintahan Raja Hussein. Pada 8 Januari 1926, Ibn Saud diisytiharkan sebagai *King of the Hejaz and Sultan of Najd and its Dependencies*. Pada masa yang sama, sebuah perlembagaan baru untuk Hijaz diperkenalkan di mana perlembagaan tersebut memperuntukan kuasa majlis yang dipilih oleh Ibn Saud dan digabungkan dalam Majlis al-Shura.

Selain faktor politik yang berlaku di Hijaz, faktor ekonomi turut menjadi penyumbang ke arah kebangkitan sebilangan rakyat Hijaz yang tidak berpuas hati terhadap dasar Ibn Saud. Keadaan tersebut menyebabkan kemunculan *Hijaz Liberation Party* yang ditubuhkan pada tahun 1928. Oleh yang demikian, kesedaran untuk bebas daripada pengaruh Ibn Saud merupakan matlamat utama perjuangan oleh sebilangan rakyat Hijaz untuk menubuhkan HLP. Justeru itu, HLP ditubuhkan bertujuan untuk membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud. Menurut Pascal Menoret, pada tahun 1920-an dan 1930-an, *Hijaz Liberation Party* merupakan gerakan politik yang diwujudkan di Hijaz untuk menentang penyatuan Hijaz dengan Nejd (Pascal Menoret, 2003). Oleh itu, jelaslah bahawa *Hijaz Liberation Party* merupakan sebuah gerakan anti-Ibn Saud di Hijaz yang muncul hasil daripada usaha dan kesedaran sebilangan rakyat Hijaz untuk bebas daripada pengaruh Ibn Saud.

Sorotan Literatur

Setakat ini, kajian berkaitan *Hijaz Liberation Party* lebih bersifat umum dan tidak bersifat khusus. Bagi kajian lepas yang menumpukan perbincangan secara umum antaranya ialah *The Making of Saudi Arabia 1916-1936: From Chieftaincy to Monarchical State* ditulis oleh Joseph Kontiner (Joseph Kontiner, 1993). Terdapat perbincangan mengenai *Hijaz Liberation Party* yang menekankan perjuangan anti-Ibn Saud tetapi buku ini tidak membincangkan perjuangan *Hijaz Liberation Party* secara mendalam. Namun, perbincangan tersebut dapat memberikan maklumat dan pemahaman umum tentang kemunculan *Hijaz Liberation Party* di Hijaz. Selain itu, penulisan Malik Dahlan dalam buku yang bertajuk *The Hijaz: The First Islamic State* (Malik R. Dahlan, 2018) ada juga menyentuh perkembangan *Hijaz Liberation Party* pada tahun 1928 hingga 1936. Oleh itu, penulisan tersebut dapat memberikan maklumat berguna walaupun penulisan mengenai *Hijaz Liberation Party* tidak bersifat khusus.

Selain itu, buku yang bertajuk *The Idrisi State in Asir 1906-1934: Politics, Religion and Prestige in Arabia* (Anne K. Bang, 1997) menjelaskan secara sepintas lalu dan umum mengenai kerjasama pemimpin utama *Hijaz Liberation Party* iaitu Hussein al-Dabbagh dan pemerintah Asir, Hasan al-Idrisi dalam gerakan bersenjata di Asir. Selain itu, peranan *Hijaz Liberation Party* dalam kerjasama tersebut dijelaskan secara umum kerana lebih menekankan peranan Hasan al-Idrisi. Justeru itu, artikel ini cuba merungkaikan perjuangan *Hijaz Liberation Party* dari tahun 1927 hingga 1936.

Di samping itu, buku bertajuk *The History of Saudi Arabia* oleh Alexei Vassiliev (Alexei Vassiliev, 2010) pula membincangkan secara umum tentang *Hijaz Liberation Party* dan tidak membincangkan perjuangan *Hijaz Liberation Party* secara mendalam. Justeru itu, artikel ini cuba membincangkan perjuangan politik *Hijaz Liberation Party* melalui kemunculan, perjuangan dan kejatuhan *Hijaz Liberation Party* dari tahun 1927 hingga 1936 dengan menekankan sumber arkib yang tidak digunakan dalam penulisan buku tersebut.

Dalam penulisan buku bertajuk *Mainliness* oleh Hamza Shehata pula membincangkan mengenai perkembangan nasioanalisme di Semenanjung Tanah Arab. Hamza Shehata turut menyentuh perkembangan yang berlaku di Hijaz dan era kebangkitan gerakan nasionalis sehingga munculnya *Hijaz Liberation Party* secara umum. Melalui perkembangan tersebut, Hamza Shehata berpendapat kebangkitan tersebut dapat menyumbang kepada penglibatan politik yang lebih meluas ke atas Dunia Arab mahupun Dunia Islam (Hamza Shehata, 2011).

Buku yang ditulis oleh David Rundell yang bertajuk *Vision or Mirage: Saudi Arabia at the Crossroads* pula menelusuri perkembangan sejarah Arab Saudi. Selain itu, penulisan tersebut juga menyentuh perbincangan *Hijaz Liberation Party* secara umum dan tidak bersifat khusus. Sebuah lagi buku yang diteliti iaitu *Religion and politics in Saudi Arabia: Wahhabism and the State* oleh Mohammed Ayoob dan Hasan Kosebalaban. Penulisan tersebut juga membincangkan sepintas lalu mengenai *Hijaz Liberation Party*. Selain itu, penulisan tersebut hanya menyentuh peranan *Hijaz Liberation Party* dalam gerakan Ibn Rifada dan gerakan penentangan di Asir secara umum. Justeru itu, artikel ini melengkapkan dengan menyentuh kemunculan, perjuangan dan kejatuhan *Hijaz Liberation Party*.

Selain itu, artikel jurnal yang bertajuk *Hijaz Liberals Party and its Political Role between 1928 and 1935* oleh Ibrahim F. Al-Shraah menyentuh peranan *Hijaz Liberation Party*. Namun, penulisan tersebut tidak memberikan sebuah analisis secara menyeluruh dan mendalam tentang tajuk ini. Walau bagaimanapun, penulisan tersebut menyampaikan maklumat penting dalam memahami perkembangan *Hijaz Liberation Party*. Kesimpulannya, kajian berkaitan *Hijaz Liberation Party* belum diterokai sepenuhnya dan tidak bersifat khusus. Justeru itu, artikel ini akan memberikan perhatian dalam aspek yang tidak diterokai sepenuhnya oleh penulis dan kajian terdahulu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berteraskan kajian sejarah iaitu kajian perpustakaan (library research). Kajian kualitatif digunakan dengan menganalisis kandungan dokumen untuk mendapatkan data kajian. Kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap dokumen arkib dan sumber sekunder bagi mengukuhkan fakta sejarah. Kandungan dokumen terdiri daripada fail *Foreign Office (FO)* dan *Political and Secret Department Record (IOR/L/PS)* yang diperoleh di *The National Archives* dan *British Library*, London. Rekod tersebut mengandungi perbincangan telegram, surat-menyurat, memorandum dan minit mesyuarat. Sumber sekunder pula didapati daripada penulisan seperti buku dan artikel jurnal. Oleh itu, kaedah menganalisis terperinci dibuat terhadap bahan dokumen bertulis daripada arkib.

Kemunculan, Perjuangan dan Kejatuhan *Hijaz Liberation Party*

Hijaz Liberation Party (HLP) atau juga dikenali sebagai *Hizb al-Ahrar al-Hijazi* ditubuhkan pada tahun 1927. HLP ditubuhkan di Makkah melalui hasil perbincangan sulit tokoh-tokoh terkenal Hijaz yang anti-Ibn Saud. Hal ini dapat dilihat apabila Hussein al-Dabbagh menubuhkan sebuah persatuan yang dikenali '*Anjuman Hizb al-Ahrar*' pada tahun 1927 di Makkah (Joseph Kostiner, 1993). Pada bulan Disember 1928, Hussein al-Dabbagh telah mengadakan kerjasama politik dengan bekas wakil kerajaan Bani Hashim di Mesir, Abdul Hamid al-Khatib. Mereka bersepakat menjadikan '*Anjuman Hizb al-Ahrar*' sebagai sebuah persatuan tetap dan mendaftarkannya sebagai kelab sosial. '*Anjuman Hizb al-Ahrar*' kemudian dikenali sebagai *Hizb al-Ahrar al-Hijazi*. HLP ditubuhkan bermatlamat untuk membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud dan perjuangan HLP untuk mengembalikan sistem pemerintahan demokrasi (David Rundell, 2020).

Dari segi kewangan, pada umumnya, HLP mempunyai wang yang banyak bagi menampung kegiatan HLP. Sumber kewangan HLP juga bergantung kepada sumbangan bulanan oleh pemimpin dan anggota HLP. Selain itu, sumber kewangan HLP juga sebahagian besarnya disumbangkan oleh Amir Abdullah (Alexei Vassiliev, 2005). Sumber kewangan HLP juga ditaja oleh beberapa persatuan dan individu di luar negara terutamanya di India. Pada 21 Julai

1928, Hussein al-Dabbagh telah menerima £2,000 (Mesir) melalui Abdul Rauf al-Sabban dalam bentuk draf daripada Bank Misr di Aden. Hussein al-Dabbagh juga menerima wang daripada Abdul Rauf al-Sabban sejumlah £10,000 (Mesir) untuk memujuk Selim Bey, Iman O.C. di Hodeidah supaya menyokong kegiatan *Hijaz Liberation Party*. Selain itu, Hussein al-Dabbagh menerima pemindahan cek tunai dari Jerusalem melalui Bank Negara India seperti berikut:

Jadual 1: Penyata Kewangan yang Diterima oleh HLP Pada Tahun 1932

Tarikh	Jumlah wang diterima
10 Mac 1932	£493
29 Mac 1932	£987
5 April 1932	£500
10 Jun 1932	£1,000

Sumber: IOR/L/PS/12/2101, Coll 6/36(1) Transjordan-Nejd Frontier Affairs.

Pada 7 Jun 1932, Hussein al-Dabbagh menerima draf Bank Negara Mesir sejumlah £400 (Mesir). Wang tersebut dikirim oleh Osman Arab yang menggunakan alamat beliau sebagai C / O Ahmed Malhas, seorang saudagar terkenal di Amman. Osman Arab merupakan seorang rakyat Hijaz kaya raya dan tinggal di Mesir dan memainkan peranan penting dalam urusan kewangan HLP. Beliau sering melakukan kunjungan ke Jerusalem selama 18 bulan dan terlibat dalam kegiatan anti-Ibn Saud. Beliau tinggal di Palestine Hotel ketika berada di Jerusalem. Pada akhir bulan April 1932, Ahmad Abdullah Aishan dari Transjordan mengadakan kunjungan ke Aden. Dalam kunjungan tersebut, beliau menyerahkan sejumlah £4,000 (Mesir) kepada Hussein al-Dabbagh. Pada masa yang sama, Hussein al-Dabbagh menerima sejumlah £1,800 (Mesir) melalui Bank Itali di Massawa yang bertujuan untuk membeli dhow dan bekalan senjata. Dengan adanya sumber kewangan yang utuh, mereka dapat menjayakan kegiatan HLP, selain berjaya menarik sokongan dengan cara menawarkan wang kepada pihak yang berkepentingan. Oleh yang demikian, sumber kewangan tersebut menjadi sumber kekuatan untuk menguatkan perjuangan HLP.

Selain itu, kekuatan HLP turut menyerlah melalui penubuhan beberapa cawangan HLP di sekitar kawasan dan luar Semenanjung Tanah Arab. Penubuhan cawangan HLP biasanya terletak di kawasan ibu kota yang terkenal dan strategik seperti di Kaherah, Amman dan Lahej. Melalui cawangan yang ditubuhkan, kegiatan HLP juga dapat berkembang dengan kukuh. HLP bergerak aktif di lapang buah negara iaitu Transjordan, Mesir, Eritrea, India, Palestin, Yaman, Iraq dan India. Keaktifan HLP turut diakui oleh British. Kegiatan HLP tercatat dalam laporan '*Memorandum on the activities of an organisation, centered at Aden, for a revolt in Asir and the overthrow of the Saudi regime in the Hejaz*' pada 27 Julai 1932 (FO 141/724/6). Setiap cawangan HLP mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Tidak dinafikan bahawa kewujudan beberapa cawangan HLP menunjukkan bahawa HLP mendapat sokongan yang cukup baik terutamanya daripada rakyat Hijaz di serata Semenanjung Tanah Arab.

Kemunculan HLP memperlihatkan beberapa faktor yang telah mempengaruhi dan menjadi pemangkin kepada perjuangan HLP di Hijaz. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kemunculan HLP. Antaranya, Ibn Saud tidak menunaikan janji yang dibuat oleh beliau pada tahun 1924 dan 1926 mengenai penyertaan rakyat dalam tadbir urus sendiri di Hijaz. Selepas mengambil alih Kota Suci Makkah pada bulan Oktober 1924, Ibn Saud berjanji bahawa beliau akan menyerahkan kepada rakyat Hijaz sebuah pemerintahan sendiri yang merdeka dan berdaulat berdasarkan persetujuan umat Islam (Malik R. Dahlan, 2018). Pada 8 Januari 1926,

Ibn Saud menggunakan gelaran sebagai *King of the Hejaz and Sultan of Najd and its Dependencies* selepas beliau menerima bai'ah daripada tokoh-tokoh terkenal Hijaz (Leslie McLoughlin, 1993).

Selain itu, pada 29 Ogos 1926, Ibn Saud mengeluarkan sebuah perlembagaan yang dikenali sebagai “Al-ta’limat al-Asasiyyah li-l Mamlakah al-Hijaziyyah” atau Undang-undang asas Kerajaan Hijaz yang dirangka oleh Dewan Perlembagaan yang terdiri daripada lapan ahli yang dipilih secara rahsia di Hijaz. Pada 3 September 1926, akhbar *Umm al-Qura* buat kali pertama menerbitkan Undang-undang asas Kerajaan Hijaz yang merangkumi bidang kuasa pentadbiran Hijaz dan mengandungi sembilan bahagian dan 79 Perkara (Malik R. Dahlan, 2018). Antaranya ialah:

The Hijazi Arab State is a royal, consultative, Islamic State Independent in its internal and external affairs.

The whole administration of the Hijazi State is in the hand of His Majesty King Abd al-Aziz Ibn Abd Rahman. His Majesty is bound by the provisions of the noble Shariah (the Sacred Law).

The ordinances (of the state) shall always be in accordance with the Book of Allah and the Sunnah (practice) of His Messenger and the ways of the Companions (of the Prophet) and al-Salaf al-Salih. (Willard A. Beling, 1980)

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Undang-undang asas Kerajaan Hijaz memperuntukkan kerajaan Hijaz adalah merdeka dan tidak boleh dibahagikan, Hijaz merupakan sebuah negara Raja Berperlembagaan, Islam dan bebas, Kota Suci Makkah merupakan ibu negara Hijaz dan bahasa Arab dijadikan sebagai bahasa rasmi kerajaan. Selain itu, Ibn Saud membentuk Majlis Perundingan (Majlis al-Shura) yang terdiri daripada 56 ahli Majlis al-Shura dan melantik anaknya, Faisal Ibn Abd Aziz al-Saud Faisal sebagai wakil Raja di Hijaz. Melalui pelantikan tersebut, Ibn Saud dapat mengukuhkan kuasanya di Hijaz. Oleh yang demikian, Ibn Saud dapat mengekalkan status quonya dengan buat pertama kalinya Ibn Saud melantik dua ahli dari Nejd untuk menganggotai Majlis al-Shura. Pelantikan tersebut dilakukan untuk meluaskan penyertaan dalam membuat keputusan dan menghidupkan fungsi majlis bukan untuk Hijaz semata-mata tetapi untuk menyatukan pentadbiran antara Hijaz dan Nejd. Walau bagaimanapun, Majlis al-Shura tumbang selepas beberapa ahli didapati bergelut untuk mengembalikan pemerintahan kerajaan Bani Hashim di Hijaz (1916-1925). Keadaan tersebut mendorong gerakan nasional melalui agenda pembebasan. Oleh itu, sebilangan rakyat Hijaz menuntut hak pemerintahan sendiri dan bebas daripada pengaruh Ibn Saud.

Di samping itu, perbezaan fahaman Wahabi juga mendorong kemunculan HLP. Oleh sebab perbezaan fahaman Wahabi, pasukan Ikhwan melakukan kerosakan di Kota Suci Makkah dan Madinah. Ini demikian kerana penguasaan Ibn Saud ke atas Hijaz membolehkan pasukan Ikhwan melakukan kekejaman dan kerosakan di Kota Suci Makkah dan Madinah seperti memusnahkan makam Nabi Muhammad dan perkuburan Baqi’ di Makkah (Alexei Vassiliev, 2010). Selain itu, perang saudara antara pasukan Ikhwan dan Ibn Saud telah menimbulkan keadaan huru hara dan memusnahkan ekonomi negara. Keadaan huru hara di Hijaz akibat daripada peperangan, yang kemudiannya membawa kepada penderitaan rakyat terutamanya suku Badwi.

Selain daripada perbezaan fahaman Wahabi, kemerosotan ekonomi yang teruk juga merupakan faktor di sebalik kemunculan HLP. Pada tahun 1929, wilayah Hijaz mengalami krisis ekonomi yang teruk kerana kemelesetan ekonomi dunia dan masalah dalaman negara apabila pentadbiran Ibn Saud tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut. Kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1929 hingga 1930 telah menyebabkan berlakunya penurunan bilangan jemaah haji di Kota Suci Makkah dan Madinah sehingga menyebabkan hasil daripada cukai langsung jemaah haji telah mengalami penurunan yang ketara. Ini demikian kerana sumber ekonomi terpenting di Hijaz ialah bergantung kepada pendapatan ziarah Haji. Justeru itu, keadaan tersebut menjadikan strategi dan peluang HLP demi menghidupkan perjuangan mereka di Hijaz. Ini juga bermakna HLP tidak hanya dapat menumpukan perhatian kepada rakyat Hijaz semata-mata, tetapi juga mengambil kira kepentingan ekonomi di Hijaz. Justeru itu, ketidakpuasan hati di Hijaz telah digerakkan oleh sebuah pertubuhan rahsia yang dikenali sebagai *Hijaz Liberation Party*.

Pengisian perjuangan HLP diterjemahkan melalui kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan sesuai dengan matlamat penubuhan HLP. Oleh itu, HLP telah menggariskan sebuah perjuangan bagi mencapai tujuan ke arah menuntut sistem demokrasi dikembalikan kepada rakyat Hijaz dan berusaha menamatkan pemerintahan Ibn Saud di Hijaz. Pada tahun 1928, HLP mengeluarkan sebuah piagam yang dikenali sebagai Piagam Kebangsaan Hijaz (Malik R. Dahlan, 2018). Piagam Kebangsaan Hijaz yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat, HLP merupakan sebuah teks pengumuman pengisytiharan perjuangan HLP yang menyenaraikan matlamat khusus HLP. Piagam tersebut menunjukkan bahawa HLP merayu kepada Dunia Islam secara amnya untuk mendapatkan sokongan moral terhadap perjuangan HLP. Terdapat tujuh perkara yang menjadi teras utama perjuangan HLP iaitu:

1. Mendapatkan hak kemerdekaan dan kebebasan sepenuhnya untuk Hijaz dan tidak mengiktiraf pemberian konsesi komersial dan perindustrian kepada mana-mana individu, syarikat dan pengaruh asing.
2. Mengadakan persidangan kebangsaan yang diwakili oleh perwakilan daripada pelbagai suku dan diberi kuasa untuk mengusulkan jenis pemerintahan yang sesuai untuk Hijaz.
3. Menggulingkan kuasa monarki atau individu dan membentuk kerajaan Republik yang selari dengan kehendak rakyat Hijaz.
4. Menegakkan kebebasan beragama dan pendidikan yang sesuai untuk rakyat Hijaz.
5. Pemerintah dan penduduk diberi kuasa untuk memajukan pembangunan nasional dan ekonomi dengan memanfaatkan bidang komunikasi, pendidikan, kesihatan, ketenteraan, pertanian dan industri moden.
6. Mengadakan persidangan Arab di Makkah yang diwakili oleh semua pemerintah Arab yang berhampiran dengan Hijaz untuk mengelakkan perbezaan pendapat dan syak wasangka yang dapat menghalang perpaduan nasional Arab dalam hal ehwal luar negeri, ekonomi, budaya dan pertahanan.
7. Mengadakan persidangan Islam yang bertanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan dan melindungi jemaah haji di Hijaz yang tidak mengancam kedaulatan negara.

Berdasarkan piagam di atas, HLP melaksanakan satu dasar perjuangan politik secara berprinsip bagi mempengaruhi dan menyebarkan pengaruh HLP kepada pelbagai pihak. Rekod British mendedahkan terdapat banyak surat daripada HLP yang telah dihantar kepada Dunia Islam.

Surat tersebut mengandungi Piagam Kebangsaan Hijaz dan menyeru semua orang di Dunia Islam untuk membantu HLP untuk membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud. Pemimpin-pemimpin utama HLP mengadakan kunjungan di beberapa buah negara dan mengadakan pertemuan dengan individu-individu terkemuka bagi mendapatkan sokongan terhadap perjuangan HLP serta untuk menubuhkan cawangan HLP di luar Hijaz bagi mengukuhkan kedudukan dan pengaruh HLP. Antara individu terkemuka yang menerima surat rayuan daripada HLP ialah Shaukat Ali di Bombay, India, Raja Fuad di Mesir, Sayyid Ali al-Mirghani di Sudan dan Sheikh Ali Yahya di Yaman. Perkara tersebut dilakukan semata-mata untuk mendapatkan sokongan daripada semua pihak.

HLP turut memuatkan lambang yang berbentuk jata kerajaan Hijaz dalam Piagam Kebangsaan Hijaz. Dengan mengunapakai bentuk jata kerajaan Hijaz yang berlatarbelakangkan warna hitam di bahagian atas, hijau di tengah dan putih di bahagian bawah (Randall Baker, 1979). Hal ini bertujuan untuk menunjukkan simbolik perjuangan HLP yang membawa makna yang cukup mendalam kepada perjuangan untuk membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud. Oleh yang demikian, penggunaan jata tersebut menunjukkan bahawa anggota HLP memiliki semangat patriotism yang kuat dan keazaman tinggi untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz. Perkara ini juga merupakan sumber inspirasi kepada para anggota dan pemimpin HLP yang semuanya berasal dari Hijaz untuk berjuang demi negara.

Pemimpin utama HLP terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal Hijaz yang pernah berjawatan tinggi semasa pemerintahan kerajaan Bani Hashim 1916-1925 dan ahli perniagaan yang terkenal. Antara pemimpin utama HLP ialah Hussein al-Dabbagh, Tahir al-Dabbagh dan Abdul Rauf al-Sabban (Malik R. Dahlan, 2018). Hussein al-Dabbagh atau nama sebenarnya ialah Sayyid Hussein bin Abdullah al-Dabbagh aktif menentang dasar Ibn Saud di Hijaz. Beliau merupakan ahli perniagaan Hijaz yang terkenal. Hussein al-Dabbagh pula giat memperjuangkan HLP untuk menarik sokongan daripada pelbagai pihak. Mereka menggunakan pelbagai cara untuk menarik pelbagai pihak, antaranya menawarkan wang yang lumayan dan taat setia. Misalnya, Hussein al-Dabbagh menggunakan keistimewaan sebagai pengasas HLP untuk menarik rakyat Hijaz terutamanya golongan pemuda Hijaz supaya berjuang bersama-sama HLP. HLP cukup keras menentang dan berusaha menghalau Ibn Saud dari Hijaz. Hussein al-Dabbagh turut bergiat aktif dalam penulisan artikel mengenai propaganda untuk membangkitkan perjuangan secara bersenjata di Hijaz dan sekitar Yaman (IOR/L/PS/12/2102). Hal ini dapat dilihat apabila beliau juga memiliki bahan dokumen subversif yang dicetak untuk diedarkan di Yaman dan di beberapa tempat lain. Oleh itu, jelaslah bahawa Hussein al-Dabbagh memainkan peranan penting dalam penubuhan HLP.

Selain itu, Tahir al-Dabbagh atau dikenali sebagai Sayyid Tahir bin Mas'ud al-Dabbagh juga merupakan pemimpin HLP yang menonjol dalam perjuangan HLP. Tahir al-Dabbagh merupakan bapa saudara kepada Hussein al-Dabbagh. Beliau dilahirkan pada tahun 1890 (Ibrahim F. al-Shraah, 2010). Tahir al-Dabbagh merupakan bekas Menteri Kewangan ketika era pemerintahan kerajaan Bani Hashim. Tahir al-Dabbagh dilantik sebagai Setiausaha HLP. Beliau bergiat aktif melakukan kunjungan ke Eritrea, Mesir, Palestin, Transjordan dan Iraq bagi mempromosikan HLP dan melakukan propaganda menentang Ibn Saud. Beliau menjadikan akhbar *al-Umma* sebagai saluran utama untuk menyebarkan propaganda anti-Ibn Saud. Mereka mengkritik tentang kelemahan rejim Ibn Saud yang bersifat autokratik. Ini bertujuan untuk memberikan gambaran jelas mengenai perkembangan politik semasa dan mempengaruhi anggota masyarakat supaya menentang Ibn Saud. Walau bagaimanapun, Ibn Saud mengharamkan penerbitan akhbar dan buku pada bulan April 1929 (Muhammad Ayoob,

2009). Tegasnya, akhbar *al-Umma* menjadi saluran utama untuk menyebarkan propaganda menentang Ibn Saud.

Di samping itu, Abdul Rauf al-Sabban juga memainkan peranan penting dalam perjuangan HLP. Beliau dilahirkan di Hijaz (FO 141/724/6). Beliau mendapat pendidikan di Hijaz dan Mesir. Beliau juga merupakan editor sebuah akhbar kecil di Mesir dan menulis artikel untuk penduduk setempat (FO 141/724/6). Pada tahun 1931, Amir Abdullah melantik Abdul Rauf al-Sabban sebagai pengurus ladang kurma (Joseph Kostiner, 1993). Oleh sebab tekanan politik yang dihadapi oleh Amir Abdullah pada tahun 1932, Amir Abdullah telah memecat Abdul Rauf al-Sabban yang terlibat dalam kegiatan anti-Ibn Saud. Walaupun beliau telah dipecat oleh Amir Abdullah, beliau tetap bersemangat untuk meneruskan perjuangan HLP. Pada tahun 1932, Abdul Rauf al-Sabban bergiat aktif melakukan propaganda dalam akhbar yang anti-Ibn Saud dan menguruskan sumber kewangan HLP. Misalnya, pada bulan Ogos 1932, Abdul Rauf al-Sabban telah menghantar wang kepada Hussein al-Dabbagh untuk membeli dhow bagi mengangkut anggota suku-suku Arab ke Asir. Selain itu, beliau bergiat aktif dalam melakukan kunjungan antara Transjordan dan Mesir (FO 141/724/6). Selain itu, beliau bergiat aktif di Eritrea untuk menguruskan kegiatan HLP dengan sempurna.

Sebagai pengasas HLP, Hussein al-Dabbagh dan Sheikh Omar mengadakan pertemuan dengan Abdul Rauf al-Sabban, Abdul Malik al-Khatib serta beberapa anggota pro-Bani Hashim yang lain ketika menghadiri Persidangan Islam pada bulan Disember 1931 yang diadakan di Jerusalem (FO 141/724/7). Dalam pertemuan tersebut, mereka menubuhkan *Hejaz Defence Committee* dan merupakan cabang utama HLP (Malik R. Dahlan, 2018). Abdul Malik al-Khatib dilantik sebagai Bendahari *Hejaz Defence Committee* (FO 141/724/7). Kepimpinan Hussein al-Dabbagh semakin terserlah apabila beliau sanggup menjelajah ke Semenanjung Tanah Arab dan luar negara terutamanya di India bagi mendapatkan sokongan dan mengembangkan pengaruh HLP. Justeru itu, pendekatan HLP dianggap radikal sehingga disenaraikan oleh pihak British sebagai salah satu pertubuhan politik yang membahayakan kedudukan British di wilayah yang berada di bawah pengaruh British. Pemimpin HLP secara kerap mengadakan kunjungan di luar negara bagi mendapatkan sokongan dan menyebarkan pengaruh HLP. Misalnya, Hussein al-Dabbagh menjalankan propaganda di India.

Di samping itu, HLP menggunakan pendekatan bekerjasama dengan pemimpin Transjordan, Amir Abdullah demi memastikan perjuangan politik mereka menjadi bertambah kuat dan kukuh. HLP melalui Hussein al-Dabbagh kemudian bertindak mengadakan kerjasama dengan Amir Abdullah untuk mendapatkan sokongan moral dan kewangan. Kerjasama tersebut dapat dilihat apabila Hussein al-Dabbagh berkunjung ke Amman pada bulan Disember 1931 untuk mengadakan kerjasama politik dengan Amir Abdullah (FO 141/724/7). Kerjasama tersebut juga dapat dilihat melalui pertemuan sulit antara para pemimpin HLP dan Amir Shakir Ibn Zaid yang mewakili Amir Abdullah pada 28 Februari 1932 yang diadakan di Amman untuk membincangkan persediaan bagi melancarkan perjuangan secara bersenjata di utara Hijaz. Ini seiring dengan matlamat perjuangan HLP untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz. Tegasnya, mereka mahu mengusir Ibn Saud dan mereka tidak bersetuju dengan pemerintahan Ibn Saud yang memonopoli kuasa di Hijaz.

Pada 10 Julai 1932, Muhammad Saleh Clufo dan Abdul Qassim al-Dabbagh yang berada di Baghdad telah diberikan visa untuk masuk ke Transjordan atas kebenaran dari Istana Amir Abdullah (FO 141/724/7). Pertemuan tersebut dilakukan bagi membincangkan kerjasama politik antara HLP dengan Amir Abdullah untuk mendapatkan sokongan moral dan bantuan

kewangan. Pada bulan Disember 1932, Tahir al-Dabbagh, Sayyid Abdullah Ibn Omar dan Abdul Rauf al-Sabban tiba di Jerusalem untuk mengadakan pertemuan dengan anak lelaki Amir Abdullah, Amir Talal dan ketua suku di Transjordan, Sharif Shakir. Mereka kemudian berkunjung ke Amman bagi mengadakan pertemuan dengan Sayyid Muhammad al-Insi dan Amir Abdullah. Namun begitu, mereka tidak dapat mengadakan pertemuan dengan Amir Abdullah kerana tekanan politik yang dihadapi oleh Amir pada ketika itu (FO 141/764/119).

Sebagai balasan, Amir Abdullah membekalkan wang kepada HLP. Seperti mana pengakuan Muhammad Said yang dimuatkan dalam akhbar *Umm al-Qura* pada 26 Ogos 1932 mengenai hubungan politik Amir Abdullah dalam kegiatan HLP (Umm al-Qura, 26 Ogos 1932). Amir Abdullah dan adiknya, Amir Zaid yang terlibat dalam usaha untuk memperkukuhkan perhubungan dengan Pengawal Pantai di Ismailia dan seorang Inspektor di Kantara bagi tujuan pembelian senjata seperti senapang, katrij dan belati. Melalui perhubungan tersebut, kerjasama kedua-dua pihak juga boleh dikatakan berjalan dengan lancar. Selain itu, senjata dapat dikirimkan dengan mudah dari Sinai melalui Abar al-Murrah dan seterusnya ke Aqaba. Amir Abdullah juga memberikan arahan kepada Amir Zaid supaya menghantar seseorang melalui persetujuan HLP untuk mengawal kegiatan pembekalan senjata secara rahsia. Tegasnya, bantuan kewangan dan sokongan moral merupakan bukti kukuh yang memperlihatkan hubungan baik Amir Abdullah dalam perjuangan HLP. Ini bermakna kerjasama HLP dengan Amir Abdullah sebenarnya disebabkan dua kepentingan. Pertama, kepentingan kewangan. Mereka ingin menjadikan Amir Abdullah sebagai sumber kewangan mereka. Kewangan Amir Abdullah yang kukuh juga menyebabkan HLP bergantung kepada mereka. Kedua, HLP dan Amir Abdullah mempunyai matlamat dan musuh yang sama iaitu Ibn Saud. Pada masa yang sama, HLP menggunakan kerjasama bagi memperolehi sokongan daripada Amir Abdullah yang mempunyai kekuatan politik untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz.

Sememangnya, perjuangan HLP bermatlamat untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz dan mewujudkan sistem pemerintahan demokrasi di Hijaz. Justeru itu, HLP bergerak ke arah menjayakan matlamat tersebut. Oleh yang demikian, HLP merancang perjuangan secara bersenjata yang bermula di utara dan selatan Hijaz. Menurut Alexei Vassiliev, pemerintahan Ibn Saud menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan sebahagian tokoh-tokoh terkenal yang sanggup menggunakan perjuangan secara bersenjata (Alexei Vassiliev, 2010). HLP memberikan sumbangan besar dalam memberikan sokongan dalam gerakan bersenjata yang dipimpin oleh ketua suku Billi, Ibn Rifada. Bagi menjayakan sokongan tersebut, HLP melalui cawangannya di Mesir telah membantu Ibn Rifada dari segi sumber kewangan dan pengantara dalam hubungan antara puak. Hal ini dilakukan bagi melancarkan gerakan bersenjata terhadap Ibn Saud. Dengan sumber kewangan tersebut, wang tersebut digunakan untuk membeli senjata dan bekalan makanan. Bagi mempercepatkan penghantaran senjata, senjata dibekalkan melalui jalan laut. Berikut merupakan senarai nama yang terlibat dalam gerakan Ibn Rifada dan *Hijaz Liberation Party*.

Jadual 2: Senarai Nama yang Terlibat Dalam Gerakan Ibn Rifada dan *Hijaz Liberation Party*, 29 Oktober 1932

Bermaustatin di Mesir	Tidak bermaustatin di Mesir
Sayyid Abdul Malik al-Khatib	Sayyid Hussein Abdullah al-Dabbagh
Sayyid Abdul Hamid al-Khatib	Sayyid Abdul Rauf al-Sabban
Abdul Ghani Rafei	Othman Arab
Sheikh Mohammed Rashid	Sheikh Mohammed bin Ahmad
Fattouh al-Kabir	Abu Taqqa
Sheikh Alawi al-Kabriti	Sayyid Tahir bin Massoud al-Dabbagh
	Sayyid Ahmad Abdullah Aishan
	Sayyid Abdul Aziz al-Tayyar

Sumber: FO 141/724/9: Confidential reports and descriptions of prominent members of the Ibn Rifada rebel movement in Hejaz.

Pada 20 Mei 1932, 300 orang suku Badwi dilaporkan menyeberangi sempadan Transjordan Hijaz melalui Teluk Aqaba. Mereka diketuai oleh Hamid Ibn Rifada atau juga dikenali sebagai Ibn Rifada yang merupakan seorang ketua suku Bili untuk melancarkan gerakan penentangan terhadap Ibn Saud. Ibn Rifada berjaya merekrut suku Bili, Huwaitat, Juhaina dan Atiya (Mohammed Ayoob, Hasan Kosebalaban, 2009). Selain itu, Mas'ud al-Dabbagh juga bertanggungjawab menjadi pengantara antara Abdul Rauf al-Sabban dan Ibn Rifada (FO 141/724/7). Pada 29 Jun 1932, Mas'ud al-Dabbagh telah berkunjung ke Ma'an, Transjordan dan untuk mengadakan pertemuan dengan dengan Ibn Rifada melalui pengantaraan Naimat Bedu. Pada masa yang sama, Mas'ud al-Dabbagh membawa wang sebanyak £300 (Mesir) yang diberikan oleh Abdul Rauf al-Sabban (FO 967/46). Mas'ud al-Dabbagh berhasrat untuk membantu mendapatkan bekalan makanan daripada sumber tempatan. Pada 5 Julai 1932, Mas'ud al-Dabbagh membekalkan makanan dan membeli dua ekor unta kepada suku Imran. Beliau turut membuat tawaran sejumlah wang sekiranya Dhaba berjaya ditakluk demi menaikkan semangat pengikut Ibn Rifada (FO 141/724/6). Walau bagaimanapun, Ibn Saud berjaya menumpaskan gerakan Ibn Rifada dalam pertempuran di Jabal Shar. Dalam pertempuran tersebut, Ibn Rifada, Muhammad Abd Rahim Abu Taqqa dan Mas'ud al-Dabbagh dilaporkan telah terbunuh (Mohammed Ayoob, Hasan Kosebalaban, 2009). Justeru itu, kehadiran HLP membuatkan Ibn Saud lebih berhati-hati.

Di samping itu, HLP menumpukan pada kerjasama dengan Sayyid Hasan al-Idrisi yang kehilangan pengaruhnya di Asir dan pemerintahannya ke atas wilayah Asir kepada Ibn Saud (David Rundell, 2020). Hasan al-Idrisi tidak berpuas hati terhadap Ibn Saud sejak pada tahun 1930 apabila Ibn Saud mengambil alih wilayah Asir sepenuhnya. Pada tahun 1930, satu pertemuan antara Hussein al-Dabbagh dan Sayyid Hasan al-Idrisi telah diadakan di Luhayyah bagi mengadakan pakatan politik. Melalui pertemuan tersebut, mereka bersetuju untuk melancarkan gerakan penentangan terhadap Ibn Saud. Sebagai tanda sokongan, Jawatankuasa Eksekutif Pusat HLP mengeluarkan "Piagam Hijaziyyah dan Idrisiyyah" yang menunjukkan rayuan kepada umat Islam terutamanya bangsa Hijaz supaya menyokong usaha HLP untuk menentang Ibn Saud dan pasukan Wahabi yang telah melakukan kerosakan di Kota Suci Makkah dan Madinah. Bagi melancarkan gerakan penentangan tersebut, Muhammad Amin al-Shanqeeti menjadi penghubung antara HLP dan Hasan al-Idrisi (FO 141/724/7). Dalam hal ini, HLP menyalurkan wang, senjata dan menjaminkan sokongan yang diberikan oleh Amir Abdullah dalam gerakan penentangan di Asir. Justeru itu, gerakan penentangan di Asir

dilancarkan pada bulan November 1932 yang dipimpin oleh anggota keluarga Idrisiyyah (Mohammed Ayoob, Hasan Kosebalaban, 2009). Namun, pasukan Hasan al-Idrisi mengalami kekalahan dalam pertempuran di Sabiya dan melarikan diri serta mendapat perlindungan di bawah pengaruh Imam Yahya di Yaman (Anne K. Bang, 1997).

Di samping itu, HLP juga mengambil kesempatan dalam konflik antara Ibn Saud dan Imam Yahya bagi mencapai matlamat perjuangan. Konflik antara Ibn Saud dan Imam Yahya berakar umbi daripada peristiwa yang berlaku di Asir pada tahun 1930 (Sheikh Mohamad Iqbal, 1977). Pada bulan November 1930, Ibn Saud mengambil alih pemerintahan langsung di Asir bagi menghalang penularan kegiatan anti-Saudi di Asir. Keadaan tersebut menimbulkan pertikaian wilayah antara Ibn Saud dan Imam Yahya. Selain itu, Imam Yahya mengambil kesempatan daripada penularan kegiatan anti-Ibn Saud di Asir untuk menguasai wilayah Najran, Jizan dan Asir. HLP turut membantu Imam Yahya menentang Ibn Saud terutamanya membekalkan senjata dan peluru. Oleh kerana gerakan penentangan tersebut disokong oleh *Hijaz Liberation Party*, Ibn Saud menghantar pasukan beliau untuk menghalang penularan sentimen anti-Ibn Saud di Asir (James Wynbrandt (ed), 2004). Pada tahun 1933, pasukan Ibn Saud tiba di Madi dan Najran yang terletak di Yaman untuk melakukan serangan balas terhadap Imam Yahya dan menakluk wilayah yang berada di bawah kawalan Imam Yahya (Michael J. Cohen, Martin Kolinsky, 1992). Pada bulan Jun 1934, Ibn Saud dan Imam Yahya menandatangani perjanjian di bandar Taif (Clive Leatherdale, 2016). Melalui perjanjian tersebut, wilayah Asir termasuk Najran diserahkan sepenuhnya kepada Ibn Saud dan wilayah yang ditakluk oleh Ibn Saud di Yaman dikembalikan kepada Imam Yahya.

Sumber arkib menunjukkan bahawa Ibn Saud tidak memandang ringan mengenai kegiatan HLP. Kerajaan Ibn Saud berjaya mendapatkan bukti yang dipintas oleh Menteri Luar Negeri, Fuad Hamzah (FO 967/46). Fuad Hamzah telah menghantar mesej kepada pihak British bagi melahirkan rasa tidak puas hati Ibn Saud terhadap pemimpin HLP dan meminta supaya pihak British memantau kegiatan pemimpin HLP dengan teliti. Oleh itu, sebagai tindak balas terhadap tekanan dan ketidakpuasan hati oleh Ibn Saud, pihak British menjamin untuk memerangi sebarang aktiviti anti-Ibn Saud yang berlaku di wilayah yang berada di bawah kawalan atau pengaruh British. Antaranya ialah British menutup sempadan antara Transjordan dan Hijaz semasa gerakan Ibn Rifada (Joseph Kostiner, 1993). Laporan surat-menyurat British memperincikan pergerakan dan kegiatan anggota HLP yang dilarang memasuki Palestin, Transjordan dan Mesir. Pihak British juga merampas passport pemimpin-pemimpin utama HLP.

Selain itu, pihak British juga mengambil tindakan untuk menghantar *HMS Penzance* ke Aqaba untuk menyekat bekalan makanan dan senjata melalui laut (David Rundell, 2020). Ini demikian dilakukan untuk menahan pergerakan anggota HLP sekiranya mereka berundur melalui Aqaba. Di samping itu, pihak British melaksanakan inisiatif diplomatik secara pendamaian. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlaku peperangan yang lebih serius. Pada tahun 1933, pihak British menggunakan dasar “*rapprochement*” antara Ibn Saud dan Transjordan. Tindakan yang diambil oleh British dan Ibn Saud menyebabkan kegiatan HLP menjadi semakin merosot. Akhirnya, pada tahun 1936, HLP diharamkan dengan serta merta.

Kesimpulan

Kesimpulannya, *Hijaz Liberation Party* ditubuhkan bermatlamat untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz dan mengembalikan sistem demokrasi kepada rakyat Hijaz. Penubuhan HLP merupakan hasil daripada kesedaran tokoh-tokoh terkenal Hijaz yang bersifat anti-Ibn Saud tidak dapat disangkal lagi. Boleh dikatakan bahawa HLP telah memainkan peranan penting dalam gerakan

menentang Ibn Saud melalui tenaga-tenaga ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat HLP, surat rayuan yang telah dihantar di seluruh pelusuk serta rayuan sokongan moral kepada rakyat Hijaz dan pemimpin Dunia Islam. Mereka menggembelng tenaga untuk mencari sumber kewangan HLP bagi menjayakan segala rancangan dan kegiatan HLP. Sememangnya penubuhan HLP memainkan peranan besar dalam perjuangan politik di Semenanjung Tanah Arab. HLP mengadakan kerjasama politik dengan pelbagai pihak berkepentingan demi mengukuhkan perjuangan mereka melalui sokongan moral dan kewangan. Menurut Kiren Aziz, *Hijaz Liberation Party* merupakan gerakan pembangkang yang teratur dan utuh (Kiren Aziz Chaudhry, 1997). Walau bagaimanapun, kegagalan HLP mencapai matlamatnya disebabkan HLP diharamkan pada 1936 dan kegiatan HLP dihapuskan dengan bantuan British.

Rujukan

- al-Shraah, Ibrahim F. (2010). "Hijaz Liberals Party and its Political Role between 1928 and 1935", *Political and Social Studies*, 37(1), 24-43.
- Ayoob, Mohammed & Kosebalaban, Hasan (2009). *Religion and politics in Saudi Arabia: Wahhabism and the state*, London: Lynne Rienner Publishers.
- Baker, Randall (1979). *King Husain and the Kingdom of Hejaz*, Cambridge: Oleander Press.
- Bang, Anne K. (1996). *The Idrisis State in Asir 1906-1934: Politics, Religion and Prestige in Arabia*, Bergen, London: Hurst & Company.
- Beling, Willard A. (1980). *King Faisal and the Modernation of Saudi Arabia*, London, United Kingdom: Westview Press.
- Bsheer, Rosie (2020). *Archive Wars: The Politics of History in Saudi Arabia*, Stanford, Stanford University Press.
- Chaudhry, Kiren Aziz, (1997). *The Price of Wealth: Economics and Institution in Middle East*, New York: Cornell University Press.
- Dahlan, Malik R. (2018). *The Hijaz: The First Islamic State*, New York: Oxford University Press.
- FO 141/724/6: Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar.
- FO 141/724/7: Memoranda on the activities of an organisation in Aden sympathetic to the rebellion in Hejaz, and information on the rebel leaders, including Ibn Rifada, following their defeat at Jebel Shar.
- FO 141/724/9: Confidential reports and descriptions of prominent members of the Ibn Rifada rebel movement in Hejaz.
- FO 141/764/119: Arabia: anti Ibn Saud movement.
- FO 967/46: Internal situation in Hejaz-Nejd.
- IOR/L/PS/12/2101: Coll 6/36(1) Transjordan-Nejd Frontier Affairs.
- Iqbal, Sheikh Mohamad (1977). *Emergence of Saudi Arabia: A Political Study of King Abd. al-Aziz Ibn Saud, 1901-1953*, Srinagar: Saudiyah Publishers.
- J. Cohen, Michael & Kolinsky, Martin (1992). *Britain and the Middle East in the 1930s: security problems, 1935-39*, New York: Palgrave Macmillan.
- Kostiner, Joseph (1993). *The Making of Saudi Arabia*, New York: Oxford University Press.
- Leatherdale, Clive (2016). *Britain and Saudi Arabia 1925-1939. The Imperial Oasis*, London: Routledge.
- McLoughlin, Leslie. (1993). *Ibn Saud: Founder of a Kingdom*, London: Macmillan Press.
- Menoret, Pascal (2005). *The Saudi Enigma: A History*, London & New York: ZED Book.
- Rundell, David (2020). *Vision or Mirage: Saudi Arabia at the Crossroads*, London: I.B. Tauris.
- Shehata, Hamza (2011). *Mainliness*, London: Haus Publishing.
- Simons, Geoff (1998). *Saudi Arabia the Shape of a Client Feudalism*, London: McMillan Press.

- Vassiliev, Alexei (2005). *King Faisal of Saudi Arabia: Personality, Faith and Times*, London: Saqi Books.
- Vassiliev, Alexei (2010). *The History of Saudi Arabia*, New York: Univ. Press.
- Wynbrandt, James (ed) (2004). *A Brief History of Saudi Arabia*, New York: Checkmark Books.
- Yamani, Mai (2004). *Cradle of Islam: The Hijaz and the Quest for An Arabian Identity*, London: I.B. Tauris.